

GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) PROGRAM AKADEMIK

GPCQI



**GARIS PANDUAN
PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)
PROGRAM AKADEMIK
(GPCQI)**

PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI
Universiti Malaysia Kelantan

Hak Cipta UMK, 2026

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Judul : Garis Panduan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) Program Akademik
(GPCQI) Universiti Malaysia Kelantan
No. eISBN : 978-629-7867-05-2

Diterbitkan oleh;

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-7797015
E-mel : bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh;

Pusat Pengurusan Kualiti Universiti
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

No. Telefon: 09 – 779 7530
E-mel: ppq@umk.edu.my

KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| SIDANG EDITORIAL | iv |
| AHLI JAWATANKUASA <i>TASK FORCE</i> | v |
| SENARAI JADUAL | vi |
| SENARAI RAJAH | vi |
| KATA SINGKATAN | vii |
| PRAKATA | ix |

| | | | |
|--------------|--|--|----|
| BAB 1 | Pengenalan | | |
| | 1.1 | Kepentingan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) di UMK | 1 |
| | 1.2 | Hubungan CQI dengan Visi dan Misi UMK | 1 |
| | 1.3 | Keperluan Pelaksanaan CQI | 1 |
| | 1.4 | Definisi CQI dalam Konteks Program Pengajian | 2 |
| | 1.5 | Kedudukan CQI dalam Kerangka Jaminan Kualiti Dalaman (IQA) | 4 |
| | 1.6 | Objektif Garis Panduan | 4 |
| | 1.7 | Skop Garis Panduan | 5 |
| BAB 2 | PRINSIP DAN KERANGKA KONSEP PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) | | |
| | 2.1 | Kerangka Hubungan PEO, PLO dan CLO | 6 |
| | 2.2 | Penglibatan Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan CQI | 8 |
| BAB 3 | MEKANISME PELAKSANAAN CQI | | |
| | 3.1 | Pengenalan | 10 |
| | 3.2 | Kaedah Pelaksanaan CQI: CLO | 10 |
| | 3.2.1 | Sumber Data | 10 |

| | | | |
|---------------------------|--------------|---|----|
| | 3.2.2 | Penentuan Petunjuk Prestasi | 11 |
| | 3.2.3 | Panduan Pelaksanaan Penilaian CLO | 12 |
| 3.3 | | Kaedah Pelaksanaan CQI: PLO | 16 |
| | 3.3.1 | Sumber Data | 16 |
| | 3.3.2 | Penentuan Petunjuk Prestasi | 17 |
| | 3.3.3 | Panduan Pelaksanaan Penilaian PLO | 18 |
| 3.4 | | Kaedah Pelaksanaan CQI: PEO | 23 |
| | 3.4.1 | Penilaian PEO Berdasarkan Badan | 24 |
| | 3.4.2 | Penentuan Petunjuk Prestasi | 25 |
| | 3.4.3 | Panduan Pelaksanaan Penilaian PEO | 27 |
| BAB 4 PENUTUP | | | |
| | | GLOSARI | 31 |
| | | RUJUKAN | 34 |
| LAMPIRAN | Lampiran A : | Proses Kerja dan Carta Alir Penilaian CLO | |
| | Lampiran B : | Proses Kerja dan Carta Alir Penilaian PLO | |
| | Lampiran C : | Contoh Laporan Pencapaian PLO | |
| | Lampiran D : | Templat Excel Laporan Pencapaian PLO | |
| | Lampiran E : | Proses Kerja dan Carta Alir Penilaian PEO | |
| | Lampiran F : | Contoh Templat Soal Selidik Alumni | |
| | Lampiran G : | Contoh Soal Selidik Alumni FKP | |
| | Lampiran H : | Contoh Templat Soal Selidik Majikan | |
| | Lampiran I : | Contoh Templat Laporan Pencapaian PEO | |

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah

PENASIHAT I

Prof. Dr. Huzili bin Hussin

PENASIHAT II

Prof. Madya Dr. Norrimi Rosaida bt Awang

KETUA EDITOR

Dr. Juliza binti Mohamad

EDITOR

Dr. Ruzanifah binti Kosnin

Dr. Nor Hafiza binti Othman

Puan Rosmira binti Ayub

Puan Nur Hafiza binti Tengku Mohd Zahid

AHLI JAWATANKUASA TASK FORCE

BENGKEL GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) PROGRAM AKADEMIK (GPCQI)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Prof. Madya Ts. Dr. Hadhrami bin Ab Ghani
Prof. Madya Dr. Wan Farha binti Wan Zulkifli
Prof Madya Dr. Mahani binti Yusoff
Dr. Raimi binti Mohamed Redwan
Dr. Wan Saiful Nizam bin Wan Mohamad
Dr. Muhamad Ezran bin Zainal Abdullah
Dr. Nurul Fatimah binti Hanapi
Dr. Nik Alnur Auli binti Nik Yusoff
Dr. Nurshahirah binti Shahrulnizim
Ts. Dr. Shaparas binti Daliman
Dr. Nor Syuhada binti Zulkefli

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Skala Pencapaian CLO

Jadual 2: Skala Pencapaian PLO

Jadual 3: Aspek Berkaitan PEO dalam SRR

Jadual 4: Contoh Pencapaian PEO TTAC

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Kitaran CQI

Rajah 2: Model CQI bagi Penambahbaikan Kursus dan Program


Rajah 3: Carta Alir Penilaian CLO

Rajah 4: Carta Alir Penilaian PLO

Rajah 5: Carta Alir Penilaian PEO

KATA SINGKATAN

| | |
|--------------|---|
| CLO | <i>Course Learning Outcome</i> |
| COPPA | <i>Code of Practice for Programme Accreditation,</i> |
| CQI | <i>Continual Quality Improvement</i> |
| GPPPA | Garis Panduan Pembangunan Program Akademik |
| IQA | <i>Internal Quality Assurance</i> |
| JKTS | Jawatankuasa Tetap Senat |
| JKPQ | Jawatankuasa Pengurusan Kualiti |
| JSU | Jadual Spesifikasi Ujian |
| KPI | <i>Key Performance Indicator</i> |
| LAM | Lembaga Arkitek Malaysia |
| MBOT | <i>Malaysia Board of Technologists</i> |
| MQA | <i>Malaysian Qualifications Agency</i> |
| MQF | <i>Malaysian Qualifications Framework</i> |
| GGP: MR-CIIQ | <i>Good Practice Guidelines: Monitoring, Review and Continual Institutional Quality Improvement</i> |
| MVM | Majlis Veterinar Malaysia |
| OBE | <i>Outcome-Based Education</i> |
| PDCA | <i>Plan–Do–Check–Act</i> |
| PdP | Pengajaran dan Pembelajaran |
| PEO | <i>Programme Educational Objective</i> |
| PLO | <i>Programme Learning Outcome</i> |
| PPQ | Pusat Pengurusan Kualiti Universiti |



| | |
|------|--|
| PPT | Pemberi Pendidikan Tinggi |
| SoW | <i>Scheme of Work</i> |
| SRR | <i>Self-Review Report</i> |
| TTAC | <i>Technical Accreditation Council</i> |
| UMK | Universiti Malaysia Kelantan |

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) Program Akademik (GPCQI) sebagai dokumen rujukan rasmi dalam pengurusan dan pelaksanaan jaminan kualiti akademik universiti.

Pembangunan garis panduan ini dilaksanakan secara sistematik dan selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (GGP: MR-CIIQ) serta keperluan badan profesional yang berkaitan, dengan penglibatan fakulti serta warga akademik yang berkepentingan.

Dokumen ini bertujuan menyokong pelaksanaan CQI yang sistematik, konsisten dan berasaskan bukti melalui pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE), khususnya dalam pemantauan dan penilaian pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus (CLO), Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan Objektif Pendidikan Program (PEO) bagi memastikan kualiti dan kerelevanan program akademik UMK sentiasa terpelihara. PPQ percaya bahawa garis panduan ini akan menjadi rujukan strategik kepada fakulti dan program akademik dalam memperkukuh tadbir urus akademik serta membudayakan amalan penambahbaikan kualiti berterusan di UMK.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan GPCQI ini.

Sekian, terima kasih.



Prof. Madya Dr. Norrimi Rosaida bt Awang
Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)



1 PENGENALAN

1.1 Kepentingan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) di UMK

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) komited untuk memastikan semua program akademik yang ditawarkan sentiasa relevan, berkualiti tinggi serta berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Proses Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement, CQI*) merupakan mekanisme utama dalam menjamin mutu kurikulum, keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta pencapaian hasil pembelajaran pelajar. CQI berfungsi sebagai satu budaya berterusan yang menyokong pembangunan akademik universiti, seiring dengan keperluan pasaran kerja, industri dan kehendak masyarakat.

1.2 Hubungan CQI dengan Visi dan Misi UMK

CQI di UMK dilaksanakan sejajar dengan visi universiti untuk menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global, serta misi untuk menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial. Di UMK, CQI diposisikan sebagai tunjang kepada pencapaian kecemerlangan akademik dengan menekankan budaya penambahbaikan berterusan, pengajaran berasaskan hasil (*Outcome-Based Education, OBE*), serta mengukuhkan sistem jaminan kualiti dalaman.


1.3 Keperluan Pelaksanaan CQI

Pelaksanaan CQI di UMK dirangka berlandaskan kepada rangka kerja dan piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta keperluan badan profesional. Antaranya ialah:

1. **Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*)** – kerangka nasional yang menetapkan tahap kelayakan dan hasil pembelajaran bagi menjamin kualiti serta keseragaman kelayakan pendidikan tinggi di Malaysia.
2. **Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*)** – sebagai garis panduan utama bagi akreditasi program akademik di peringkat kebangsaan, termasuk pelaksanaan pemantauan, penyemakan, dan penambahbaikan berterusan kualiti program akademik (Bidang 7).
3. **Standard Program yang Dikeluarkan oleh MQA** – iaitu Standard Program mengikut bidang pengajian (contohnya, Pengajian Perniagaan, Komputeran, Hospitaliti dan Pelancongan, Bahasa, dan lain-lain) yang menetapkan hasil pembelajaran, struktur kurikulum, beban kredit, dan keperluan penilaian bagi memastikan keseragaman dan kualiti antara program di institusi pendidikan tinggi.
4. **Standard Badan Profesional** – bagi program akademik yang dikawal selia oleh badan profesional, pematuhan terhadap standard, garis panduan, dan keperluan akreditasi badan berkenaan merupakan tambahan kepada piawaian MQA yang perlu dipenuhi oleh UMK (contohnya, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Teknologis Malaysia (*Malaysia Board Of Technologists, MBOT*) dan Majlis Veterinar Malaysia, MVM).
5. **Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (GGP: MR-CIIQ)** – sebagai panduan pelaksanaan pemantauan dan penambahbaikan kualiti institusi secara sistematik dan berterusan.

1.4 Definisi CQI dalam Konteks Program Pengajian

CQI dalam konteks program pengajian di UMK merujuk kepada satu proses berterusan yang bersifat kitaran Rancang-Buat-Periksa-Tindak (*Plan-Do-Check-Act, PDCA*) untuk menilai, menambahbaik dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1: Kitaran CQI.



Rajah 1: Kitaran CQI (Sumber: GGP MR-CIIQ)

Proses ini melibatkan aktiviti pemantauan kursus, pemantauan program, serta semakan kurikulum yang dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcome, CLO*), pencapaian Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Outcome, PLO*) dan Objektif Pendidikan Program (*Programme Educational Objective, PEO*) berada pada tahap yang optimum.

Sistem Jaminan Kualiti Dalaman (*Internal Quality Assurance*, IQA) merupakan mekanisme sokongan untuk melaksanakan peringkat-peringkat ini:

1. **Rancang (*Plan*):** Membangun atau mengkaji semula strategi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan/atau pelan penambahbaikan selaras dengan penambahbaikan yang dikehendaki;
2. **Laksana (*Do*):** Mengatur pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan;
3. **Periksa (*Check*):** Mengukur dan menganalisis pencapaian sasaran yang ditetapkan; membuat refleksi terhadap jurang pencapaian dan kesesuaian pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan;
4. **Tindak (*Act*):** Melaksanakan penambahbaikan atau membangunkan pelan penambahbaikan berasaskan prestasi berkaitan dengan sasaran dan kesesuaian pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan.

1.5 Kedudukan CQI dalam Kerangka Jaminan Kualiti Dalaman (IQA)

CQI merupakan elemen teras dalam Jaminan Kualiti Dalaman (IQA) yang berfungsi sebagai mekanisme dalaman universiti untuk memantau, menyemak dan menambah baik mutu akademik. CQI melengkapi sistem IQA melalui integrasi dengan proses audit akademik dalaman, penilaian sendiri, serta laporan akreditasi program. Justeru, CQI menjadi alat penting dalam memastikan universiti bukan sahaja mengekalkan akreditasi program daripada MQA, tetapi juga mencapai pengiktirafan badan profesional dan memenuhi aspirasi pendidikan tinggi negara.

1.6 Objektif Garis Panduan

Garis Panduan CQI ini dibangunkan dengan objektif untuk:

1. Menyediakan kerangka sistematik bagi pemantauan, penyemakan dan penambahbaikan kualiti program akademik;
2. Memastikan semua program akademik UMK mematuhi standard MQA dan badan profesional;
3. Membudayakan amalan penambahbaikan berterusan dalam kalangan fakulti, pusat dan warga akademik UMK;

4. Memastikan keberkesanan pengajaran, pembelajaran, penilaian, dan sokongan akademik sentiasa selaras dengan keperluan industri, masyarakat dan negara; dan
5. Memacu UMK ke arah kecemerlangan akademik, keusahawanan dan inovasi melalui mekanisme jaminan kualiti dalaman yang mantap.

1.7 Skop Garis Panduan

Skop garis panduan ini tertumpu sepenuhnya kepada CQI yang digariskan di bawah Bidang 7: Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Berterusan Program dalam Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) oleh MQA. Ia memberi tumpuan kepada proses sistematik bagi pemantauan, penyemakan dan penambahbaikan berterusan terhadap pelaksanaan program akademik di UMK, termasuk pengukuran hasil pembelajaran (CLO, PLO, PEO), audit dalaman, penilaian luaran dan pelaporan CQI.

Garis panduan ini dirangka secara khusus untuk memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan di peringkat kursus dan program, bagi memastikan kualiti akademik UMK sentiasa relevan, mampan dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah fleksibel dan boleh disesuaikan dengan garis panduan, piawaian, dan keperluan khusus yang ditetapkan oleh MQA atau badan profesional yang mengawal selia program-program tertentu, tertakluk kepada bidang pengajian dan keperluan akreditasi masing-masing.



PRINSIP DAN KERANGKA KONSEP PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)


2.1 Kerangka Hubungan PEO, PLO dan CLO

Dalam kerangka jaminan kualiti akademik yang digariskan oleh MQA, pencapaian hasil pembelajaran program diukur melalui hubungan yang tersusun antara PEO, PLO dan CLO. Hubungan ini amat penting bagi menjamin keselarasan antara objektif pendidikan, pelaksanaan kurikulum, strategi pengajaran serta kaedah penilaian dengan aspirasi jangka panjang kemenjadian graduan.

CLO merupakan hasil pembelajaran yang spesifik bagi setiap kursus. Ia merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikuasai oleh pelajar setelah menamatkan kursus tertentu. CLO menjadi asas yang menyumbang kepada pencapaian PLO, iaitu hasil pembelajaran di peringkat program secara menyeluruh. PLO pula dirangka berdasarkan lima (5) kluster dan 11 domain pembelajaran utama yang ditetapkan dalam MQF 2.0, iaitu:

- i. Pengetahuan dan Pemahaman
- ii. Kemahiran Kognitif
- iii. Kemahiran kerja fungsional dengan tumpuan kepada:
 - a. Kemahiran Praktikal
 - b. Kemahiran Interpersonal
 - c. Kemahiran Komunikasi
 - d. Kemahiran Digital
 - e. Kemahiran Numerasi
 - f. Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab
- iv. Kemahiran Personal dan Keusahawanan
- v. Etika dan Profesionalisme

Kesemua kluster dan domain ini memastikan PLO bukan sahaja meliputi pencapaian kognitif, tetapi juga aspek psikomotor dan afektif, selaras dengan keperluan industri, masyarakat dan pembangunan negara. Pencapaian PLO secara langsung menyumbang kepada pencapaian PEO, iaitu aspirasi pendidikan program yang menekankan peranan graduan dalam tempoh beberapa tahun selepas bergraduasi. Hal ini merangkumi aspek perkembangan kerjaya, kepimpinan, inovasi, serta sumbangan terhadap komuniti dan profesion. Oleh itu, wujud satu kesinambungan yang jelas di mana CLO menjadi asas kepada PLO, manakala PLO pula berfungsi sebagai indikator utama dalam menilai pencapaian PEO.



Rajah 2: Model CQI bagi Penambahbaikan Kursus dan Program

Bagi memastikan hubungan ini dilaksanakan secara berkesan, UMK perlu mengamalkan proses CQI secara berterusan. Seperti yang digambarkan dalam Rajah 2, proses CQI berfungsi sebagai satu kitaran penambahbaikan berterusan yang melibatkan pengumpulan data, analisis, pelaporan serta tindakan susulan. Melalui kitaran ini, keberkesanan pencapaian hasil pembelajaran di peringkat CLO, PLO dan PEO dapat dipantau, dinilai dan diperkukuh dari semasa ke semasa.

Proses ini melibatkan empat langkah utama. Langkah pertama ialah **penilaian**, iaitu proses mengumpul data pencapaian pelajar melalui instrumen pentaksiran dan penilaian pada tahap CLO. Data yang diperoleh ini seterusnya dipetakan kepada PLO dan akhirnya menyumbang kepada pencapaian PEO. Langkah kedua ialah **analisis**, di mana data penilaian dibandingkan dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh UMK atau piawaian MQA. Analisis ini membantu mengenal pasti tahap keberkesanan pencapaian, jurang yang wujud serta aspek yang memerlukan penambahbaikan.

Langkah ketiga ialah **pelaporan**, iaitu penyediaan laporan lengkap berdasarkan hasil analisis yang dibentangkan di peringkat jawatankuasa akademik program. Laporan ini bukan sahaja berfungsi sebagai bukti pelaksanaan CQI kepada pihak MQA atau badan akreditasi, malah turut menjadi dokumen refleksi yang merangkumi kekuatan, kelemahan, jurang pencapaian serta cadangan tindakan penambahbaikan.

Langkah keempat ialah **tindakan penambahbaikan**, iaitu pelaksanaan strategi untuk memperkukuhkan pencapaian hasil pembelajaran. Tindakan ini boleh melibatkan penambahbaikan kurikulum, kaedah pengajaran, instrumen penilaian atau penyediaan sokongan tambahan kepada pelajar. Semua langkah penambahbaikan perlu direkodkan, dipantau dan dinilai keberkesanannya untuk melengkapkan kitaran CQI yang seterusnya.

Kesimpulannya, kerangka hubungan antara PEO, PLO dan CLO yang disokong dengan 11 domain PLO MQF 2.0 serta digerakkan melalui Model CQI bagi Penambahbaikan Kursus dan Program, menyediakan asas kukuh dalam pembangunan dan penjaminan kualiti kurikulum akademik. Apabila dilaksanakan secara sistematik, ia dapat membantu dalam memastikan program akademik di UMK kekal relevan, berkesan, dan mampu melahirkan graduan yang kompeten, beretika serta bersedia memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan industri.

2.2 Penglibatan Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan CQI


Penglibatan pihak berkepentingan merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan CQI bagi sesebuah program akademik berjalan dengan berkesan. Pihak berkepentingan seperti pelajar, alumni, industri dan majikan memainkan peranan yang signifikan dalam menilai keberkesanan PEO, PLO, dan CLO. Pandangan dan maklum balas mereka menjadi input penting dalam proses penilaian dan analisis, yang akhirnya membawa kepada penambahbaikan berterusan terhadap struktur dan kandungan program.

Dalam pelaksanaan proses CQI, pelajar berperanan sebagai penerima utama pendidikan, memberi maklum balas secara langsung melalui penilaian kursus dan prestasi akademik. Maklumat ini digunakan untuk menilai pencapaian CLO, yang kemudiannya dijangka dengan PLO. Prestasi pelajar terhadap pencapaian CLO membolehkan pensyarah mengenal pasti kelemahan dalam pendekatan PdP, seterusnya merancang intervensi yang sesuai sebagai sebahagian daripada pelaksanaan CQI. Di samping itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti luar bilik kuliah juga membantu dalam pembangunan kemahiran insaniah yang menyokong pencapaian PLO.

Alumni pula menyediakan maklumat reflektif tentang keberkesanan program setelah mereka berada dalam dunia pekerjaan. Maklum balas alumni amat berguna dalam menilai sama ada PEO telah dicapai dalam tempoh masa tiga (3) hingga lima (5) tahun selepas tamat pengajian. Pengalaman mereka memberi perspektif sebenar terhadap kebolehpasaran dan kesesuaian kemahiran yang diperolehi sepanjang pengajian, justeru membantu Ketua Jabatan/Ketua Program/Penyelaras Program menyemak semula PLO agar lebih relevan dengan keperluan semasa industri.

Maklum balas daripada pihak industri dan majikan pula diperolehi secara tidak langsung, kebiasaannya melalui kaedah tinjauan (soal selidik). Melalui soal selidik ini, UMK memperoleh maklum balas mengenai tahap kebolehpasaran graduan serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka dari segi kemahiran teknikal dan insaniah yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar. Dalam keadaan tertentu, pihak industri turut dilibatkan dalam sesi libat urus atau dijemput sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Program. Namun begitu, penglibatan ini tidak berlaku secara automatik dan bergantung kepada keperluan serta tahap keterlibatan UMK dengan pihak industri atau agensi luar.

Secara keseluruhannya, penglibatan aktif pihak berkepentingan membolehkan UMK melaksanakan proses CQI secara lebih sistematik dan berkesan. Maklum balas yang diterima daripada pelbagai sumber digunakan dalam proses penilaian dan analisis bagi menilai keberkesanan CLO, PLO dan PEO secara berperingkat. Hasil analisis ini menjadi asas kepada pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang relevan dan berasaskan bukti. Pendekatan ini memastikan program akademik di UMK kekal pada tahap kualiti yang tinggi serta sentiasa memenuhi keperluan pelajar, kehendak industri dan aspirasi masyarakat.



MEKANISME PELAKSANAAN CQI

3.1 Pengenalan

Mekanisme pelaksanaan CQI di UMK dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik yang merangkumi pemantauan keberkesanan CLO, PLO dan PEO melalui audit dalaman dan luaran. Proses ini memastikan pelaksanaan CQI bukan sahaja mematuhi keperluan MQA, tetapi juga menyokong pencapaian visi, misi dan pelan strategik UMK.

3.2 Kaedah Pelaksanaan CQI: CLO

Kaedah pelaksanaan CQI bagi CLO merupakan satu proses sistematik yang menekankan penilaian, analisis dan penambahbaikan berterusan terhadap pencapaian pelajar dalam setiap kursus. CLO berfungsi sebagai indikator pada tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar setelah tamat sesuatu kursus. Penilaian CLO dilaksanakan selepas semua pentaksiran selesai bagi memastikan pelajar mencapai CLO yang disasarkan. Selain itu, analisis yang dilakukan oleh penyelarar/pensyarah kursus terhadap pencapaian CLO membolehkan sebarang kelemahan dikenal pasti dan ditambah baik, sekali gus memastikan kaedah PdP yang digunakan kekal konsisten serta relevan dengan keperluan semasa.

3.2.1 Sumber Data

Sumber data bagi analisis pencapaian CLO diperoleh daripada pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir setelah tamat kursus. Hasil pentaksiran ini kemudiannya direkodkan dalam sistem mengikut CLO yang telah ditetapkan bagi membolehkan analisis pencapaian pelajar dijalankan secara menyeluruh.

Proses penilaian ini mempunyai hubungan langsung dengan Maklumat Kursus (Jadual 4), Rancangan Pengajaran (*Scheme of Work*, SoW) serta Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) bagi kursus yang melibatkan peperiksaan akhir. Hubungan ini berperanan memastikan

keselarasan dan kesejajaran antara hasil pembelajaran kursus, kaedah penyampaian, serta bentuk pentaksiran yang dilaksanakan.

Seterusnya, data penilaian daripada pelbagai sumber termasuk laporan penilaian kursus oleh pelajar, ditriangulasikan untuk menghasilkan analisis yang komprehensif tentang tahap pencapaian kursus. Hasil penilaian bagi setiap CLO akan dijana melalui CosPro (*Course file*) pada Item 16: Keputusan Pencapaian CLO. Sebarang penambahbaikan terhadap pencapaian CLO dinyatakan melalui CosPro (*Course file*) pada Item 17: Rancangan Penambahbaikan Kursus. Penyelaras atau pensyarah kursus bagi semester berikutnya boleh mengakses maklumat tersebut sebagai rujukan dalam merancang pelaksanaan kursus dan memastikan kesinambungan proses penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

3.2.2 Penentuan Petunjuk Prestasi

Pencapaian CLO dinilai melalui petunjuk prestasi. Analisis ini berfungsi untuk menentukan sama ada CLO bagi sesuatu kursus telah dicapai atau sebaliknya. Secara umumnya, petunjuk prestasi ditetapkan berdasarkan markah purata keseluruhan pelajar yang mengambil kursus tersebut, dengan mengambil kira markah lulus sebagai asas penetapan. Skala penilaian CLO yang digunakan seperti Jadual 1. Sasaran pencapaian minimum CLO ialah pada tahap 2.00 yang dikategorikan sebagai "Baik".

| Julat Skor | Tahap Pencapaian |
|-------------------|-------------------------|
| 0.00 – 0.99 | Sangat Lemah |
| 1.00 – 1.99 | Lemah |
| 2.00 – 2.99 | Baik |
| 3.00 – 3.69 | Sangat Baik |
| 3.70 – 4.00 | Cemerlang |

3.2.3 Panduan Pelaksanaan Penilaian CLO

Pelaksanaan penilaian CLO hendaklah mengikuti langkah-langkah yang digariskan dalam Rajah 3. Proses Kerja Penilaian CLO boleh dirujuk di Lampiran A.

i. Penetapan kaedah penyampaian dan pentaksiran berdasarkan CLO

Penetapan kaedah penyampaian dan pentaksiran merupakan langkah awal yang penting dalam proses pelaksanaan PdP dan menjadi tanggungjawab utama penyelaras/pensyarah kursus. Proses ini bertujuan memastikan setiap kaedah penyampaian dan pentaksiran yang dirancang benar-benar menilai pencapaian CLO sebagaimana yang telah digariskan dalam Maklumat Kursus dan SoW .

Penyelaras/pensyarah hendaklah memastikan semua CLO yang disenaraikan dalam kursus dinilai secara menyeluruh melalui pelbagai kaedah pentaksiran yang sesuai seperti ujian bertulis, tugas individu, kerja kumpulan, pembentangan, atau penilaian berasaskan projek. Pemilihan kaedah pentaksiran perlu bersifat autentik dan mampu mengukur tahap pencapaian pelajar terhadap CLO yang disasarkan. Selain itu, setiap kaedah pentaksiran hendaklah sejajar dengan domain pembelajaran yang terkandung dalam CLO, sama ada domain kognitif, afektif, atau psikomotor, serta menepati tahap kemahiran yang telah ditetapkan bagi kursus berkenaan.

Penetapan kaedah pentaksiran ini perlu dilaksanakan sebelum semester bermula bagi menjamin keselarasan antara objektif kursus, aktiviti pengajaran, dan strategi penilaian. Penetapan dan pelaksanaan pentaksiran perlu mengikut Garis Panduan Pentaksiran (Secara Fizikal dan Secara Dalam Talian). Proses ini turut memastikan kejelasan dan ketelusan kepada pelajar tentang kaedah pentaksiran yang akan dijalankan, sekali gus menyokong prinsip penjajaran konstruktif dalam penyelarasan kurikulum bagi menjamin keberkesanan proses PdP kursus.

ii. Melaksanakan pengajaran dan kaedah pentaksiran

Pelaksanaan pengajaran dan kaedah pentaksiran merupakan aspek penting dalam proses penilaian CLO yang dijalankan sepanjang satu semester. Penyelaras/pensyarah bertanggungjawab melaksanakan aktiviti PdP mengikut jadual serta perancangan yang telah ditetapkan dalam SoW.

Penyelaras/pensyarah kursus perlu memastikan bahawa pelaksanaan kedua-dua aktiviti pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir dilaksanakan mengikut perancangan. Setiap

instrumen pentaksiran yang digunakan mesti berkaitan secara langsung dengan CLO yang ingin dicapai.

iii. Analisis pencapaian CLO

Analisis pencapaian CLO dinilai menggunakan skala penilaian CLO seperti yang diterangkan di item 3.2.2. Langkah seterusnya ialah perbandingan pencapaian pelajar dengan sasaran minimum yang telah ditetapkan iaitu 2.00 (kategori “Baik”).

Sekiranya CLO dicapai, penyelaras/pensyarah kursus perlu mengekalkan amalan yang berkesan, mendokumentasikan bukti pencapaian dan menjadikannya sebagai rujukan untuk pengajaran pada semester seterusnya. Walau bagaimanapun, jika CLO tidak dicapai, maka pelan penambahbaikan CQI perlu dinyatakan. Antara bentuk cadangan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Semakan Semula Tugas atau Soalan Pentaksiran

Soalan peperiksaan, kuiz atau tugas perlu diteliti semula bagi memastikan keselarasan antara kaedah penilaian dengan *Course Learning Outcome* (CLO) yang ingin dicapai. Semakan ini hendaklah menilai tahap kesukaran, kejelasan kehendak soalan, kesesuaian aras taksonomi Bloom, serta kebolehan pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan.

Sekiranya didapati kaedah pentaksiran sedia ada kurang berkesan dalam mengukur pencapaian sebenar pelajar, pentaksiran alternatif (*alternative assessment*) boleh diperkenalkan bagi meningkatkan tahap pencapaian CLO. Pentaksiran alternatif merujuk kepada kaedah penilaian yang lebih autentik, kontekstual dan berasaskan pengalaman pelajar.

2. Penyesuaian Pendekatan Pedagogi

Kaedah penyampaian PdP perlu dipertingkatkan dengan penggunaan strategi pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Antara pendekatan yang disarankan termasuk *Active Learning*, *Flipped Classroom* dan *Problem-Based Learning*. Pendekatan ini membantu meningkatkan penglibatan pelajar serta menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam.

3. Pelaksanaan Sesi Intervensi atau Penguksuhan

Bagi pelajar yang lemah, pensyarah boleh menyediakan sesi tambahan seperti kelas penguksuhan, tutorial berfokus, atau perbincangan kumpulan kecil. Tujuannya adalah untuk membantu pelajar menguasai kandungan kursus yang sukar difahami.

4. Semakan Kesesuaian CLO dengan Aras Taksonomi

CLO perlu diteliti semula bagi memastikan ia ditulis pada aras kognitif yang sesuai dengan objektif kursus dan tahap pembelajaran pelajar. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, penambahbaikan perlu dibuat supaya CLO lebih realistik, relevan dan dapat dicapai dengan lebih berkesan.


5. Dokumentasi Tindakan CQI

Semua tindakan penambahbaikan perlu direkodkan dalam bahagian penambahbaikan CQI di CosPro (*Course file*) Item 17. Dokumentasi ini penting sebagai bukti pelaksanaan serta rujukan untuk penilaian semula pada semester berikutnya.

6. Sekiranya terdapat keperluan penambahbaikan yang bersesuaian, ia hendaklah dilaksanakan dengan merujuk kepada Jadual 4.4: Perincian Perubahan Maklumat Kursus seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (GPPPA), edisi kedua, UMK.

iv. Perbincangan dan pengesahan di peringkat fakulti

Analisis pencapaian CLO dan penambahbaikannya perlu dibincangkan di peringkat program bersama Ketua Jabatan/Ketua Program/Penyelaras Program dan seterusnya mendapat pengesahan di Mesyuarat Jawatankuasa Pentaksiran/Peperiksaan (Prasiswazah/Pascasiswazah) fakulti. Pelan penambahbaikan yang disahkan ini kemudiannya akan dilaksanakan pada semester berikutnya, sama ada melalui pengubahsuaian pengajaran, pentaksiran atau pendekatan pedagogi. Proses ini memastikan keberkesanan PdP sentiasa dipantau, selaras dengan CLO dan PLO yang ingin dicapai, dan kualiti program dikekalkan secara berterusan.



Rajah 3: Carta Alir Penilaian CLO

3.3 Kaedah Pelaksanaan CQI: PLO

PLO merujuk kepada tahap pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang disasarkan untuk dicapai oleh pelajar setelah menamatkan sesuatu program pengajian. PLO menggambarkan keupayaan graduan yang diharapkan, selaras dengan objektif pendidikan program dan aspirasi institusi.

Bagi memastikan standard akademik dan kualiti graduan terjamin, setiap program bertanggungjawab menjajarkan PLO dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*). Penjajaran ini memastikan program bukan sahaja memenuhi keperluan akreditasi, tetapi juga kekal relevan dengan kehendak industri dan dasar pembangunan negara. Berdasarkan dokumen MQF 2.0, PLO mesti selaras dan dinilai berdasarkan lima (5) kluster dan 11 domain hasil pembelajaran yang telah dinyatakan di 2.1.

Proses ini membolehkan institusi mengenal pasti tahap penguasaan sebenar pelajar bagi setiap PLO serta menilai keberkesanan reka bentuk kurikulum, strategi pengajaran, dan kaedah penilaian yang digunakan. Justeru, program hendaklah memastikan pelaksanaan CQI bagi PLO dilaksanakan secara sistematik, berasaskan bukti, dan selaras dengan tadbir urus kualiti institusi serta keperluan akreditasi MQA.

3.3.1 Sumber Data

Sumber data bagi analisis pencapaian PLO diperoleh secara sistematik daripada komponen penilaian yang berlaku sepanjang tempoh pengajian pelajar. Sumber utama adalah data penilaian kursus yang dikumpulkan pada setiap semester melalui sistem penilaian dan pelaporan kursus rasmi fakulti atau universiti iaitu sistem CosPro (*Course file*).

Setiap kursus dalam sesuatu program mempunyai pemetaan yang jelas antara CLO dan PLO dan direkodkan melalui Matriks Pemetaan Kursus (FP02). Data pencapaian pelajar terhadap setiap CLO yang telah dipetakan kepada PLO direkodkan pada setiap semester, disimpan, dan dianalisis secara berstruktur bagi menilai tahap penguasaan pelajar terhadap hasil pembelajaran yang dijangka.

Rekod pencapaian ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar bagi setiap PLO berdasarkan kursus yang diambil dalam semester berkenaan. Seterusnya, data pencapaian daripada semua semester digabung dan dianalisis untuk menghasilkan

pencapaian PLO, iaitu purata keseluruhan prestasi pelajar bagi setiap PLO sepanjang tempoh pengajian. Analisis ini dilaksanakan sama ada di peringkat kursus dan program bagi memastikan program sentiasa relevan, berimpak, dan memenuhi standard akademik serta keperluan industri semasa.

3.3.2 Penentuan Petunjuk Prestasi

Penentuan petunjuk prestasi bagi PLO merupakan komponen penting dalam menilai keberkesanan keseluruhan kurikulum, kaedah dan proses PdP sesuatu program akademik. KPI berperanan sebagai penanda aras prestasi untuk menentukan dan mengenalpasti keperluan penambahbaikan dan tahap penguasaan pelajar terhadap setiap PLO untuk mencapai standard yang disasarkan oleh program dan universiti.

Penetapan nilai KPI dilaksanakan secara rasmi dan berasaskan bukti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (prasiswazah atau pascasiswazah) serta disahkan di peringkat fakulti. Nilai KPI yang ditetapkan hendaklah mengambil kira pelbagai faktor yang relevan, termasuk:

1. Tahap dan jenis program, sama ada di peringkat Asasi, Sarjana Muda, atau Pascasiswazah;
2. Struktur penilaian dan kaedah pentaksiran yang digunakan dalam menilai pencapaian CLO dan PLO;
3. Piawaian akademik universiti dan keperluan agensi jaminan kualiti seperti MQA; serta
4. Ciri program dan profil graduan yang dihasratkan selaras dengan aspirasi institusi dan keperluan industri.

Secara amnya, KPI bagi PLO program akademik di UMK ditetapkan berdasarkan skala pencapaian PLO seperti di Jadual 2. Nilai minimum yang disasarkan ialah 2.0 daripada skala 4.0, yang dikategorikan sebagai “Baik” yang menggambarkan penguasaan asas dan keupayaan melaksanakan kemahiran profesional atau nilai pada aras minimum yang boleh diterima. Skala pencapaian ini digunakan bagi mentafsir tahap penguasaan hasil pembelajaran.

Jadual 2: Skala Pencapaian PLO

| Julat Skor | Tahap Pencapaian |
|-------------------|-------------------------|
| 0.00 – 0.99 | Sangat Lemah |
| 1.00 – 1.99 | Lemah |
| 2.00 – 2.99 | Baik |
| 3.00 – 3.69 | Sangat Baik |
| 3.70 – 4.00 | Cemerlang |

Nilai KPI ini menjadi tanda aras prestasi bagi setiap PLO dan digunakan untuk menentukan sama ada pelajar telah mencapai tahap penguasaan yang dikehendaki. Program yang menunjukkan pencapaian PLO di bawah KPI perlu melaksanakan tindakan penambahbaikan yang bersesuaian, seperti semakan semula reka bentuk kurikulum, pendekatan PdP, kaedah pentaksiran, atau sokongan pembelajaran pelajar. KPI yang ditetapkan hendaklah disemak secara berkala, sekurang-kurangnya sekali dalam setiap kitaran semakan kurikulum bagi memastikan ia kekal relevan, realistik, dan selaras dengan perubahan:

- Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), standard program akademik dan keperluan badan profesional;
- Perkembangan industri dan teknologi semasa; serta
- Dasar nasional dan UMK

3.3.3 Panduan Pelaksanaan Penilaian PLO

Analisis pencapaian PLO dilaksanakan secara sistematik bagi menilai tahap penguasaan sebenar pelajar terhadap hasil pembelajaran program serta keberkesanan keseluruhan reka bentuk kurikulum, strategi pengajaran dan kaedah penilaian. COPPA (Bahagian 7) tidak menetapkan secara terperinci tempoh penilaian PLO, tetapi menegaskan bahawa penilaian hasil pembelajaran perlu dijalankan secara berkala dan dilaporkan sebagai sebahagian daripada proses pemantauan program dan CQI.

Oleh itu, bagi tujuan pematuhan MQA, UMK menetapkan bahawa penilaian PLO dilaksanakan sekali dalam setiap sesi akademik (setiap tahun). Penilaian ini perlu dilaksanakan secara berterusan (*continuous monitoring*) melalui pengumpulan dan analisis data pencapaian CLO setiap semester, yang kemudiannya dipetakan kepada PLO. Pencapaian keseluruhan PLO pula dinilai atau diukur sebaik sahaja kohort pelajar bergraduasi. Rajah 4 menjelaskan secara visual aliran proses pengukuran dan penambahbaikan PLO. Rujuk Proses Kerja Penilaian PLO di Lampiran B.

i. Pemetaan PLO dan CLO

Proses penilaian bermula dengan pemetaan antara CLO dan PLO melalui Matrik Pemetaan Kursus (FP02). Pemetaan ini disahkan semasa pembangunan atau semakan kurikulum bagi memastikan keselarasan dengan domain pembelajaran yang ditetapkan dalam MQF. Setiap CLO menyumbang kepada satu atau lebih PLO dengan pemberat tertentu yang menggambarkan kekuatan sumbangan kursus terhadap hasil pembelajaran program. Pemetaan yang mantap dan disahkan ini menjadi asas kepada penilaian PLO yang sah dan boleh dipercayai.

ii. Pengumpulan Data

Ketua Jabatan/Ketua Program/Penyelaras Program bertanggungjawab mengumpul data pencapaian CLO daripada Item 17, CosPro (*Course file*) dan direkodkan di FP09. Semua data pencapaian CLO setiap kursus yang menyumbang kepada sesuatu PLO digabungkan dan dianalisis bagi menghasilkan Laporan Pencapaian PLO (Rujuk Templat Excel Laporan Pencapaian PLO di Lampiran D). Analisis ini menunjukkan tahap penguasaan sebenar pelajar terhadap hasil pembelajaran program dan membolehkan pihak program menilai keberkesanan pelaksanaan kurikulum serta strategi PdP secara menyeluruh.

iii. Analisis Pencapaian PLO

Purata pencapaian pelajar bagi setiap PLO kemudian dibandingkan dengan penentu prestasi yang telah ditetapkan oleh program, fakulti atau universiti sebagai penanda aras prestasi. Sekiranya pencapaian pelajar memenuhi atau melebihi nilai minimum

2.00 seperti Jadual 2, strategi pengajaran dan kaedah pentaksiran sedia ada dianggap berkesan dan wajar dikekalkan. Contoh Laporan Pencapaian PLO boleh dirujuk Lampiran C.

Namun, jika hasil analisis menunjukkan bahawa pencapaian pelajar tidak mencapai sasaran penentu prestasi minimum, maka proses analisis akan dijalankan bagi mengenal pasti punca jurang prestasi. Antara faktor yang dikenal pasti termasuk kesesuaian kandungan kursus, keberkesanan pendekatan PdP, keselarasan bentuk penilaian dengan aras taksonomi pembelajaran, serta faktor pelajar seperti motivasi, keupayaan asas dan latar belakang akademik. Proses ini penting bagi memastikan sebarang kelemahan yang dikenal pasti ditangani secara menyeluruh dan berfokus.

Berdasarkan hasil analisis tersebut, tindakan CQI akan dirancang dan dilaksanakan. Antara tindakan CQI yang boleh dilaksanakan adalah:

- Menyemak semula pemetaan CLO–PLO untuk memastikan keselarasan dan relevansi kandungan kursus;
- Menambah baik kaedah PdP melalui pendekatan berpusatkan pelajar seperti pembelajaran berasaskan projek, kajian kes, pembelajaran berpengalaman, atau aktiviti simulasi;
- Meningkatkan keupayaan pensyarah melalui latihan, bengkel atau program pembangunan profesional (CPD) yang menekankan pedagogi, pentaksiran dan integrasi teknologi dalam PdP, dan
- Menyemak kaedah pentaksiran agar lebih sejajar dengan aras taksonomi pembelajaran, objektif kursus dan keupayaan pelajar untuk mencapai PLO dengan lebih efektif.

iv. Pelaksanaan Tindakan Penambahbaikan

Semua tindakan penambahbaikan yang dirancang hendaklah didokumenkan dengan jelas serta dibentangkan di peringkat program dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa (Prasiswazah / Pascasiswazah) yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Akademik sebelum dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Setelah disahkan, Ketua Program/ Penyelaras Program/ Ketua Jabatan bertanggungjawab melaksanakan tindakan penambahbaikan tersebut pada kohort berikutnya mengikut jadual dan pelan tindakan yang telah dipersetujui.


Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat perubahan besar (major) pada PLO, hasil laporan tersebut perlu dibawa ke peringkat universiti iaitu Jawatankuasa Tetap Senat

(JKTS), dan seterusnya ke Senat Universiti untuk mendapatkan pengesahan rasmi. Perubahan ini perlu dirujuk kepada GPPPA edisi kedua, UMK.

Bagi menjamin ketelusan, kebolehkesanan dan kebolehjakkakan proses CQI, semua bukti pelaksanaan perlu direkodkan dan disimpan dengan teratur dalam fail program. Antara bukti yang perlu didokumenkan termasuk salinan dokumen Item 17: Rancangan Penambahbaikan Kursus, CosPro (*Course File*) untuk semua kursus bagi program pengajian berkenaan, CosPro (*Course file*) yang dilampirkan bersama Laporan Hasil Pembelajaran Program (FP09), minit mesyuarat akademik, serta laporan semakan kurikulum yang merekodkan justifikasi, tindakan dan hasil penambahbaikan. Dokumentasi ini berfungsi sebagai rujukan rasmi semasa audit kualiti dalaman serta semakan akreditasi oleh MQA/ badan profesional.

Selain itu, Laporan Hasil Pembelajaran Program (FP09) juga boleh digunakan sebagai asas utama dalam pelaksanaan semakan kurikulum, sama ada secara berkala (contohnya setiap tiga hingga lima tahun) atau apabila terdapat keperluan untuk menilai semula kesesuaian struktur program, kandungan kursus, strategi PdP, serta bentuk pentaksiran. Semakan kurikulum berasaskan laporan ini memastikan setiap keputusan penambahbaikan dibuat secara berinformasi, sistematik dan berasaskan bukti.

Pendekatan menyeluruh ini memastikan setiap dapatan daripada analisis PLO diterjemahkan kepada tindakan penambahbaikan yang berterusan, boleh diukur dan memberi impak positif terhadap peningkatan kualiti hasil pembelajaran pelajar, selaras dengan prinsip OBE serta matlamat universiti dalam menjamin kualiti dan keberkesanan program akademik.



Rajah 4: Carta Alir Penilaian PLO

3.4 Kaedah Pelaksanaan CQI: PEO

PEO merupakan aspirasi jangka panjang yang menggambarkan kualiti, kompetensi, dan peranan graduan UMK selepas tiga (3) hingga lima (5) tahun menamatkan pengajian. Penilaian pencapaian PEO adalah komponen penting dalam pelaksanaan CQI, kerana ia menilai sejauh mana program akademik berjaya melahirkan graduan yang memenuhi hasrat universiti, kehendak industri, serta keperluan masyarakat.

Proses ini selaras dengan COPPA dan GGP: MR-CIIQ yang menekankan penilaian menyeluruh ke atas keberkesanan program akademik. Melalui penilaian PEO, universiti dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program, seterusnya melaksanakan langkah penambahbaikan yang relevan dan bersasar.

Kajian pencapaian PEO dilaksanakan bagi tujuan berikut:

1. Menilai keberkesanan program akademik dalam melahirkan graduan yang mencapai objektif pendidikan yang ditetapkan.
2. Mengenal pasti jurang prestasi antara pencapaian sebenar dan sasaran PEO.
3. Mengumpul maklum balas daripada alumni, majikan dan industri bagi tujuan semakan dan penambahbaikan kurikulum.
4. Menyediakan asas bukti bagi pelaksanaan CQI serta pelaporan kepada Senat UMK dan MQA atau badan professional.

Penilaian pencapaian PEO boleh menggunakan pelbagai sumber data triangulasi bagi memastikan keputusan adalah sahih, menyeluruh dan berasaskan bukti. Bagi mengukur PEO program akademik di UMK, sumber utama yang boleh diguna pakai adalah kajian tinjauan alumni dan majikan. Data kajian tinjauan alumni dapat mengumpul maklumat berkenaan pencapaian kerjaya serta pembangunan profesional alumni. Data ini seterusnya dapat digunakan untuk menilai tahap keberkesanan program berdasarkan PEO setiap program akademik. Data kajian tinjauan majikan pula diperlukan untuk mendapatkan perspektif industri terhadap kompetensi graduan UMK. Melalui data ini, elemen seperti kemahiran teknikal, komunikasi, kepimpinan, keusahawanan, dan etika profesional dapat diukur. Data ini juga dapat menunjukkan kerelevanan kurikulum dengan keperluan pasaran. Selain data dari kajian tinjauan alumni dan majikan, sumber lain yang dapat digunakan untuk mengukur PEO adalah data kebolehpasaran graduan.

3.4.1 Penilaian PEO Berdasarkan Badan Akreditasi

Secara umumnya terdapat empat (4) badan akreditasi dan badan profesional utama bagi program-program akademik UMK di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran iaitu MQA, MBOT melalui *Technology and Technical Accreditation Council* (TTAC), LAM, MVM. Bagi MQA dan TTAC adalah seperti berikut:

i. MQA

Pencapaian PEO alumni merupakan satu aspek yang dinilai oleh panel penilai bagi Audit Pematuhan Akreditasi Penuh. Pematuhan Akreditasi Penuh merupakan penilaian bagi memantau program yang dikendalikan oleh PPT yang telah mendapat akreditasi penuh. Ia merupakan satu prosedur untuk memantau dan memastikan penyemakan dan penambahbaikan program yang telah diakreditasi mesti dilaksanakan sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali (MQA, 2018). Mekanisme bagi menilai pencapaian PEO alumni adalah melalui pelaksanaan kajian PEO melalui kaedah soal selidik alumni dan majikan.

ii. TTAC

Bagi program-program di bawah akreditasi TTAC, aspek penilaian PEO yang dititikberatkan ialah; i) PPT mesti mempunyai penentu prestasi yang jelas bagi setiap pernyataan PEO dan dipersetujui melalui konsultasi dengan pemegang taruh; dan ii) program juga haruslah mempunyai mekanisme yang jelas dan bersesuaian untuk memantau dan menilai pencapaian PEO (TTAC, 2019). Kedua-dua perkara ini merupakan elemen yang diaudit oleh panel penilai TTAC dalam proses akreditasi semula di bawah Kriteria 1: Reka Bentuk dan Penyampaian Program. Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelaras Program perlu mengemukakan Laporan Semakan Kendiri (*Self-Review Report, SRR*) sebagai dokumen pembuktian, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Aspek Berkaitan PEO dalam SRR (Sumber: TTAC, 2019)

| 2. List of PEOs with respective KPI, monitoring and evaluation mechanism | | | |
|--|-----------|-----|-------------------------------------|
| | Statement | KPI | Evidence of stakeholders engagement |
| PEO1 | | | |
| PEO2 | | | |
| PEOxn | | | |
| Description of PEO evaluation mechanism | | | |

Bagi program akademik di bawah LAM dan MVM, tiada dinyatakan secara khusus keperluan berkenaan penilaian PEO. Oleh yang demikian, cadangan pelaksanaan penilaian PEO bagi program akademik di bawah badan akreditasi ini dibuat berdasarkan tatacara MQA.

3.4.2 Penentuan Petunjuk Prestasi

Penentu prestasi bagi PEO merupakan langkah penting dalam memastikan penilaian pencapaian PEO dapat dilaksanakan secara objektif, terukur dan konsisten merentas semua program akademik di UMK. Walau bagaimanapun, hasil semakan terhadap dokumen-dokumen akreditasi menunjukkan bahawa keperluan penetapan KPI bagi PEO berbeza mengikut badan akreditasi masing-masing. Bagi program di bawah MQA, LAM dan MVM, tiada keperluan khusus yang dinyatakan berhubung penetapan atau pengukuran penentu prestasi PEO.

Namun, bagi program yang berada di bawah TTAC, keperluan ini diperincikan dengan jelas dalam manual akreditasi, di mana penetapan dan pengukuran petunjuk prestasi bagi setiap PEO menjadi syarat utama bagi pelaksanaan kajian pencapaian PEO. Sehubungan itu, penetapan petunjuk prestasi PEO bagi program TTAC perlu dilaksanakan melalui proses konsultasi bersama pemegang taruh seperti Jawatankuasa Penasihat Program, industri, alumni dan ahli akademik bagi menentukan peratusan (%) sasaran pencapaian yang akan dijadikan garis asas pengukuran. Jadual 4 menunjukkan contoh pencapaian PEO bagi program di bawah akreditasi TTAC.

Bagi program di bawah MQA, LAM dan MVM, penetapan petunjuk prestasi boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan bidang masing-masing.

Jadual 4: Contoh Pencapaian PEO TTAC.

| | PERNYATAAN | KPI |
|------|--|--|
| PEO1 | Berpengetahuan mendalam dalam Teknologi Sumber Hutan dengan kemahiran teknikal yang kompeten. | <ol style="list-style-type: none"> 1. 50% graduan kerja dalam bidang sains gunaan/teknologi. 2. 30% graduan bekerja dalam bidang berkaitan teknologi sumber hutan. |
| PEO2 | Graduan Teknologis yang memiliki semangat yang tinggi dalam pelbagai peranan dan tanggungjawab kepada organisasi dan masyarakat terhadap penggunaan sumber hutan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. 10% graduan menjadi pemimpin/ketua dalam sesebuah organisasi. 2. 5% graduan memperolehi keahlian profesional dalam perbadanan/kesatuan profesional. |
| PEO3 | Graduan Teknologis yang menunjukkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif yang boleh menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan khususnya kepada bidang sains dan teknologi sumber hutan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. 15% graduan terlibat dalam kerja pembangunan dan penyelidikan. |
| PEO4 | Graduan Teknologis yang mempunyai kemahiran keusahawanan dan mengiktiraf keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk kemajuan kerjaya yang berjaya. | <ol style="list-style-type: none"> 1. 50% graduan telah menghadiri kursus pembangunan profesional untuk mengembangkan pengetahuan. 2. 10% graduan melanjutkan pengajian. 3. 10% graduan terlibat dalam perniagaan dan keusahawanan. |

3.4.3 Panduan Pelaksanaan Penilaian PEO

Pelaksanaan penilaian PEO hendaklah mengikuti langkah-langkah seperti yang digariskan dalam Rajah 5. Rujuk Proses Kerja Penilaian PEO di Lampiran E.

i. Penetapan Punca Kuasa

